

RAGAM HIAS MASJID WARISAN: TINJAUAN KE ATAS MASJID MUHAMMADI, KOTA BHARU KELANTAN

*(HERITAGE MOSQUE DECORATION: A REVIEW OF MASJID
MUHAMMADI, KOTA BHARU, KELANTAN)*

Nur Najwa Hanim Saidi & Daeng Haliza Daeng Jamal

Abstrak

Ragam hias merupakan elemen yang penting dalam memberi elemen keindahan sesebuah reka bentuk bangunan. Kebanyakan ragam hias yang terdapat dalam reka bentuk bangunan dikaitkan dengan konsep reka bentuk yang dihasilkan. Ragam hias yang dihasilkan dalam reka bentuk mempunyai faktor dan pengaruh dalam pemilihan tersebut. Hal ini kerana ragam hias yang digunakan mempunyai makna tersirat dalam sesebuah reka bentuk. Oleh itu, makalah ini bertujuan mengenal pasti ragam hias yang terdapat dalam reka bentuk Masjid Muhammadi, Kota Bharu Kelantan. Selain itu, makalah ini juga bertujuan menghuraikan ragam hias Melayu dan barat yang terdapat di masjid ini. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah pemerhatian dan temu bual. Pemerhatian dijalankan di Masjid Muhammadi dan temu bual pula dijalankan untuk mendapat maklumat yang diperolehi daripada dua (2) orang pakar bidang. Hasil kajian menemui tiga jenis ragam hias iaitu kaligrafi, motif flora dan geometri yang digunakan dalam reka bentuk Masjid Muhammadi. Ragam hias ini terletak di empat (4) struktur yang berbeza iaitu tiang bangunan, bahagian belakang bangunan, dewan sembahyang dan pintu masuk depan bangunan. Identiti reka bentuk yang terdapat dalam Masjid Muhammadi menunjukkan salah satu identiti reka bentuk di Malaysia. Kajian ini menggunakan teori semiotik untuk melihat simbol dalam reka bentuk Masjid Muhammadi. Teori ini dikaitkan kerana pemilihan simbol dalam reka bentuk Masjid Muhammadi dilihat dari segi identiti asal pembinaannya.

Kata kunci: *Ragam hias, reka bentuk, Masjid Muhammadi, identiti reka bentuk*

Abstract

The decoration is an essential element in the beauty of a building design. Most of the decorative elements found in building design are associated with the design concept and have implicit meaning. Therefore, the paper aims to identify a variety of ornaments found in Masjid Muhammadi Kota Bharu, Kelantan. In addition, this paper also aims to describe the Malays and Western ornament found in that mosque. The methodology used in this study is observation and interview. These observations were made at the Masjid Muhammadi, and interviews with two (2) field experts were conducted to obtain the information. This study found three types of ornaments, namely calligraphy, flora and geometric motifs, used in Masjid Muhammadi. These ornaments are located in four (4) different structures, namely the pillars of the building, the back of the building, the prayer hall and the front entrance of the building. Therefore, the design found in the Masjid

Muhammadi shows one of the design identities in Malaysia. This study also uses semiotic theory to look at the symbols in the Masjid Muhammadi, which could assist in understanding the identity of the builders.

Keywords: *Decorations, design, Masjid Muhammadi, design identity*

PENGENALAN

Ragam hias merupakan salah satu simbol yang digunakan untuk memberi perlambangan sesuatu dalam reka bentuk sesebuah bangunan termasuk masjid. Ragam hias yang terdapat pada masjid haruslah bersesuaian dan berasaskan keindahan. Hal ini kerana reka bentuk masjid yang dihasilkan seharusnya mengikut syariat Islam. Menurut Laksmi Kusuma Wardani (2010) simbol yang terdapat pada sesebuah bangunan adalah lambang komunikasi antara pereka dan membuktikan pemahaman bersama. Ini bermaksud setiap komunikasi dengan bahasa ditandai dengan menggunakan simbol-simbol. Dalam erti kata lain, fikiran manusia berfungsi secara simbolis apabila pengalaman, kesedaran kepercayaan, perasaan dengan gambaran diperoleh daripada pengalaman yang lain. Ragam hias merupakan salah satu daripada elemen simbol yang terdapat dalam reka bentuk bangunan. Menurut Kasiyan dan M. Ham (2015), ragam hias merupakan bentuk dasar hiasan yang biasanya menjadi pola yang diulang-ulang dalam suatu karya seni seperti tenunan, kain batik, songket dan ukiran serta ukiran kayu. Ragam hias merupakan salah satu elemen yang penting dalam reka bentuk kerana ragam hias memberi keindahan dan lebih memaparkan nilai estetik untuk menarik perhatian.

SEJARAH MASJID MUHAMMADI KOTA BHARU, KELANTAN

Menurut Rosli Che Soh (2019), masjid Besar Kota Bharu mula didirikan pada tahun 1867, masjid ini pada asalnya merupakan sebuah kayu yang terletak di pinggir Sungai Budor, Seberang Paloh, sebelum dipindahkan daripada tapak asal kerana ancaman banjir. Hasil temu bual mendapati, tidak terdapat sumber sahih yang menyatakan tarikh sebenar masjid ini mula dibina tetapi dipercayai telah wujud sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad II yang memerintah Kelantan pada tahun 1837 hingga Oktober 1886. Ada juga sumber yang berpendapat bahawa masjid ini telah dibina lebih awal lagi iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad I antara tahun 1801 hingga 1837. Pada tahun 1921, sebuah bangunan baharu (bangunan induk) mula dibina bagi menggantikan bangunan sedia ada yang dibina menggunakan kayu. Berdasarkan tinjauan literatur pula menemukan, pembinaan masjid ini dipercayai dicetuskan oleh Haji Musa bin Haji Wan Abdul Samad iaitu Mufti Kelantan yang ketiga dan ada juga menyatakan bahawa bangunan induk Masjid Muhammadi mula dibina selepas Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) ditubuhkan (Rosli Che Soh 2019).

Sebelum MAIK ditubuhkan, kuasa pentadbiran ke atas masjid, perlantikan imam dan kewujudan mukim-mukim Jumaat secara tradisinya terletak di bawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) al-Sultan Kelantan. Kuasa ini kemudiannya diletakkan dibawah Pejabat Mufti pada peringkat pelaksanaan dengan bantuan Tok Kweng (kini jawatan setaraf Penggawa dan guru-guru agama setempat). Undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran masjid diluluskan oleh *State Council* pada 22 Ogos 1916 kepada MAIK. Undang-undang tersebut dikenali sebagai Undang-undang dan Peraturan bagi Masjid dan Surau dan Undang-undang No.10 tahun 1916 yang telah digugurkan bagi surau-surau di Negeri Kelantan.

Pada zaman Haji Musa bin Haji Wan Abdul Samad iaitu Mufti Kelantan yang ketiga telah mencetuskan idea untuk mendirikan Masjid Muhammadi. Pendapat lain juga menyatakan bahawa selepas MAIK ditubuhkan, bangunan induk Masjid Muhammadi mula dibina (Rosli Che Soh 2019).

Luas keseluruhan masjid kini adalah 10,600 kaki persegi dan boleh menampung seramai 5,000 orang ahli jemaah. Kos pengubahsuaian Masjid Muhammadi adalah sebanyak RM897,242. Antara peninggalan lama yang masih ada di Masjid Muhammadi adalah telaga besar Masjid

Muhammadi yang dikenali juga sebagai Perigi Tok Kenali dan beduk besar yang dipalu sebelum azan berkumandang.



Gambar 1. Beduk Besar
Sumber: Kajian Lapangan 2019




Gambar 2. Perigi Tok Kenali
Sumber: Kajian Lapangan 2019

Selain itu, masjid ini juga menganjurkan beberapa aktiviti bagi mengimarahkan masjid misalnya halaqah, kursus haji dan majlis berbuka puasa. Menurut Rosli Che Soh (2019), halaqah pengajian di Masjid Muhammadi mendapat perhatian daripada seluruh Semenanjung Malaysia termasuklah dari luar negara seperti Kemboja dan Patani. Sambutan halaqah pengajian pada ketika itu sangat menggalakkan sehingga ruangan sentiasa penuh ke bahagian luar halaqah dan berdiri berdekatan masjid pada ketika itu. Peringkat pembelajaran di Masjid Muhammadi terbahagi kepada tiga jenis kumpulan mata pelajaran iaitu 'diniyah', 'arabiyyah' dan umum. Kumpulan diniyyah terdiri daripada fiqah, tafsir, tauhid dan lain-lain, manakala, kumpulan pembelajaran arabiyyah pula melibatkan nahu, saraf, khat, 'balaghah', 'mahfudzah', 'insya' dan 'imla'. Kumpulan pembelajaran umum ialah hisab, tarikh, geografi, kesihatan, mantiq, falaq, miqaat, tarbiyah, falsafah, laughortommat, 'haiyah', ilmu 'wadzia' wal manazil' dan 'adabul bahath'. Kumpulan 'arabiyyah' hanya berada pada peringkat pertama dan kedua sahaja dan kemudian telah digantikan oleh mata pelajaran kumpulan diniyyah dan umum.



Gambar 3. Masjid Muhammadi Kota Bharu Kelantan
Sumber: Kajian Lapangan 2019



Gambar 4. Dewan Sembahyang Utama Lelaki Masjid Muhammadi
Sumber: Kajian Lapangan 2019



Gambar 5. Dewan Sembahyang Utama Perempuan Masjid Muhammadi
Sumber: Kajian Lapangan 2019

SOROTAN KAJIAN

Menurut Utaberta & Mohamad Tajudin Mohamad Rasdi (2013) masjid merupakan satu ekspresi kepatuhan dan ketaatan seseorang hamba kepada Tuhannya. Dalam solat, sujud difahami sebagai meletakkan dahi, kedua tangan, lutut dan kaki di permukaan bumi. Ini menunjukkan lagi ketaatan dan kepatuhan seorang hamba dalam melaksana kewajibannya. Fungsi ini besar dan lebih variasi dalam dunia pendidikan Islam. Masjid merupakan tempat untuk menimba ilmu dengan mempelajari pendidikan. Tempat pembelajaran yang paling utama dan berkesan pada zaman dahulu adalah masjid kerana proses pembelajaran dapat menghidupkan Sunnah dan menghapuskan bidaah, hukum-hukum Allah SWT dapat mempelajari dan diamalkan (Mohd Ismail & Kamarul Azmi 2008). Menurut Wahad, Hamid & Norajila Che Man (2016) masjid merupakan tempat untuk menyuburkan jiwa insan agar sentiasa mengingati Allah SWT dalam apa jua keadaan sama ada ibadat umum mahupun khusus. Pembangunan insan yang berteraskan kepada keimanan dan ketakwaan boleh membentuk masyarakat yang kuat sekali gus dapat menjalani kehidupan yang baik dan sejahtera. Kekukuhan iman dan jiwa memberi masyarakat yang taat untuk melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran atau lebih dikenali sebagai 'Amal Makruf Nafi Mungkar'.

Keperluan komponen dalam ruangan masjid seperti ruang solat, pintu masuk, ruang berwuduk, mihrab dan komponen ruang secara keseluruhan sangat penting bagi masjid tradisional. Seni bina masjid telah mengalami pelbagai peristiwa serta latar belakang perubahan sehingga lahirnya pelbagai bentuk dan corak bangunan masjid yang berbeza pada setiap kurun. Kehadiran masjid merupakan perpaduan dari segi fungsi bangunan sebagai unsur seni bina Islam. Dalam perkembangan seni bina, bentuk atap sebagai pelindung ruang dalaman yang terdiri bentuk atap dasar dan bentuk atap lengkung atau disebut juga kubah. Perubahan corak seni bina sesuai dengan perkembangan zaman serta tuntutan kebudayaan setempat di mana bentuk atap mengalami perubahan bentuk menjadi bentuk piramid dan segi tiga. Bentuk bumbung masjid tradisional di Semenanjung memiliki bumbung yang berlapis tiga, berlapis dua, masjid dengan bumbung panjang dan bumbung berlapis empat. Masjid tradisional semenanjung di Malaysia mempunyai konsep masjid bertiang seri dan tiang macu (Azizul 2015).

Menurut Ros Mahwati, Siti Nor Azhani & Rabiah (2018) seni bina masjid tradisional Melaka mempunyai identiti tersendiri dari segi rekaan bentuk bumbungnya. Asas bentuk bumbung som pecah empat yang dihiasi dengan sebuah mahkota dipuncuknya. Mahkota atap di atas bumbung masjid tradisional Melaka menjadikan reka bentuk masjid itu sendiri unik dan sangat elegan. Kefahaman tentang Islam dalam kalangan masyarakat Islam adalah sangat penting supaya warisan rekaan dan seni Islam tempatan tidak hilang disebabkan oleh kefahaman seni Islam yang sempit. Mahkota atap masjid tradisional Melaka menggabungkan konsep keindahan yang ditekankan dalam Islam mengikut peraturan perhiasan Islam di mana tiada motif figura. Penghasilan tahap kefahaman agama yang dihasilkan meraikan keindahan warisan dan memperkayakan identiti Islam sebagai agama yang universal. Mahkota atap merupakan pelengkap kepada gaya bahagian bumbung masjid tradisional yang dikenali sebagai bumbung tangkup tiga tingkap atau som pecah empat. Nurfarahhana, Ros Mahwati & Zuliskandar (2021) telah melakukan pemetaan semula terhadap masjid-masjid di Melaka yang masih mempunyai mahkota atap. Mereka mendapati hanya 38 buah masjid sahaja yang masih mempunyai mahkota atap ditemui. Hal ini disebabkan kebanyakan masjid telah mengubahsuai bentuk atap atau mahkota atap dengan menggunakan kubah. Namun, Nurfarahhana et al. (2019) juga telah mendokumenkan lokasi masjid dan rekaan mahkota atap yang masih terdapat pada masjid di negeri Melaka supaya memudahkan pemantauan oleh pihak berkuasa tentang kelestarian penggunaan mahkota atap di bumbung masjid di Melaka.

Menurut Anisah Ahmad (2015) terdapat banyak motif dan motif visual yang terdiri daripada unsur flora, fauna, geometri, kosmos dan kaligrafi yang ditonjolkan untuk menambahkan lagi nilai estetika dan keunikan bangunan. Penghasilan mimbar yang diperbuat daripada kayu dapat menghasilkan pelbagai jenis reka corak yang menarik pada permukaan kayu tersebut. Permukaan mimbar turut dihiasi dengan pelbagai jenis motif yang biasanya terdiri daripada alam flora (Noor Hafiza Ismail et al. 2015). Seni rupa Melayu tercipta daripada kesedaran intisari sesuatu hasil ciptaan ialah melalui bentuk tampaknya kepada dimensi yang terjalin pada rupa ciptaan. Seni dapat

dihasilkan dalam pelbagai kaedah antaranya pentafsiran, pemikiran, rasa dan persoalan (Muhammad Nazzri Ahmad 2016). Motif kaligrafi dan hiasan juga sangat menarik minat dan mempesonakan seniman Barat. Ciri-cirinya yang sangat unik, bertindih serta boleh digunakan dalam pelbagai bahan dan bentuk yang dijadikan seni hias yang menarik (Ludin & Ahmad Suhaimi 1995).

Kaligrafi Islam yang dihasilkan membolehkan pengukir Melayu beralih ke tangan pandai besi yang berjaya menempa ayat suci al-Quran di permukaan sarung dan bilah keris, kelewang, parang dan belimbing. Selain ayat-ayat al-Quran motif tumbuh-tumbuhan yang bersifat dekoratif dijalin dan diadun bagi menambahkan nilai estetika pada permukaan senjata tersebut. Tradisi kesenian Islam yang awal lebih cenderung ke arah menyatakan bukan semata-mata ruang dalam penjelmaan motif-motif hiasan, malahan konsep dan falsafah yang berteraskan kepada prinsip tauhid. Kepekaan terhadap prinsip ini bukanlah tidak berasas tetapi seniman Islam menyedari nilai estetika sebahagian daripada pancaran fahaman keagamaan. Penjelmaan bentuk geometri, motif tumbuhan dan kaligrafi adalah alternatif kepada larangan yang disebut oleh hadis. Oleh itu, pelbagai tafsiran telah dibuat sebagai reaksi hadis namun seniman Islam melihat motif hiasan merupakan cetusan dan kekuatan kreativiti malahan motif ini terkandung nilai yang berteraskan kepada landasan keislaman dan keagamaan (Ludin & Ahmad Suhaimi 1995).

Pengolahan eksperimental dalam reka bentuk geometri dan hiasan yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan menghasilkan kesenian yang harmoni dan mempunyai nilai yang tinggi. Perbincangan mengenai arabes dari sudut terminologi lebih kepada penggunaan corak hiasan yang berulang dan bertindih. Corak hiasan telah menjadi unsur penting dalam seni Eropah dari abad ke-16 hingga abad ke-17M. Corak yang tidak terbatas merupakan unsur penting yang melampaui ruang masa dan daerah yang tidak terpisah daripada kesenian dan dunia Islam. Hiasan lahir dalam satu budaya dan tamadun yang awal dan mahir dalam pelbagai ilmu matematik, logik, astronomi, kosmologi dan seni bina menjadi sumber pertalian estetika. Seniman Islam yang dikenali sebagai ahli Sufi, ahli sosiologi, ahli matematik dan ahli falsafah. Keutamaan hiasan dalam kesenian Islam berasaskan hiasan menjadi tema asasi dalam pelbagai aspek kesenian yang pelbagai teknik mahupun bahan elastik. Selain bentuk, idea merupakan aspek penting yang perlu dipertimbangkan dalam penjelmaan motif dalam hiasan. Idea yang melahirkan penyatuan kreativiti seniman Islam untuk menghasilkan karya seni yang indah (Ludin & Ahmad Suhaimi 1995).


Gaya seni bina di Malaysia telah mengalami perubahan selepas kemerdekaan. Arkitek yang baru tamat pengajian di luar negara telah membawa fahaman baru tentang seni bina ke bandar utama di Malaysia yang sebelumnya melaksanakan pendekatan reka bentuk kolonial. Pendekatan seni bina lebih menerapkan gaya seni rupa antarabangsa bagi lebih mencerminkan identiti seni bina nasional. Nilai seni bina Melayu terhadap penggunaannya melakukan peniruan secara langsung elemen seni bina Melayu yang tidak mencerminkan semangat sezaman. Pencarian identiti seni bina nasional masih lagi diteruskan sehingga kini kerana perdebatan dan perbincangan mengenai kecelaruan identiti dalam seni bina Melayu di Malaysia (Kamarul Afizi & Nik Lukman (2007).

Faktor yang mempengaruhi perkembangan seni bina masjid di Kelantan adalah dari segi tahun pembinaan masjid, pendekatan seni bina, kemajuan bahan dan teknologi, pertambahan kapasiti jemaah dan reka bentuk yang diseliakan oleh organisasi dan individu. Seni bina telah melalui beberapa proses perkembangan dan pelbagai pengaruh boleh dilihat untuk menghiasi reka bentuk masjid iaitu pengaruh dari segi gaya rupa dan pengaruh setempat. Gaya rupa menjadi konsep utama di Malaysia ialah vernakular, kolonial dan moden. Pengaruh setempat difokuskan kepada keadaan sekeliling yang perlu disesuaikan dalam seni bina masjid termasuklah dari segi iklim, bahan binaan, teknologi dan kebudayaan setempat. Pengaruh gaya rupa masjid dapat dikenal pasti melalui beberapa komponen masjid antaranya dari segi pelan, bentuk, mukan dan elemen yang membina sesebuah bangunan (Nurul Izza Mohd Noor 2016).

KEINDAHAN RAGAM HIAS DARI SUDUT TEORI SEMIOTIK


Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori semiotik yang diperkenalkan oleh Charles Sanders Peirce pada tahun 1839 hingga tahun 1914. C.S Peirce mengemukakan segitiga makna

(tanda), objek dan interpretasi. Menurut Mana Sikana (2016) tanda merupakan sesuatu yang berbentuk fizik yang dapat diungkap oleh pancaindera manusia dan sesuatu yang merujuk di luar tanda itu sendiri. Tanda yang diterangkan dalam pemikiran C.S Pierce yang terdiri daripada simbol dan ikon. Sedangkan tanda ini diungkapkan sebagai objek. Objek atau tanda menjadi refensi tanda atau sesuatu yang dirujuk tanda. Interpretasi adalah sesuatu penggunaan tanda yang berkonsepkan pemikiran dari orang yang menggunakan tanda memberi makna tertentu dalam fikiran seseorang. Hal yang penting dalam proses semiosis adalah bagaimana makna muncul dari sebuah tanda yang digunakan saat berkomunikasi. Berikut merujuk perkaitan teori semiotik yang dikemukakan oleh C.S Pierce:



Rajah 1. Perkaitan Teori Semiotik C.S Pierce
Sumber: Mana Sikana 2016

Penggunaan teori dalam kajian sangat penting untuk memberi panduan supaya kajian tidak tersasar kearah lain. Penggunaan teori ini lebih kepada panduan semasa menjalankan kajian. Teori semiotik digunakan untuk melihat simbol yang digunakan dalam reka bentuk Masjid Muhammadi Kota Bharu, Kelantan. Teori semiotik yang diperkenalkan oleh C.S Pierce sesuai digunakan dalam kajian ini dalam melihat simbol dalam reka bentuk masjid. Dalam penggunaan teori ini lebih kepada simbol yang berkaitan dengan bentuk, motif dan ragam hias dalam reka bentuk masjid. Berikut merupakan perkaitan teori semiotik dalam kajian yang dijalankan:



Rajah 2. Kerangka konsep ragam hias Masjid Muhammadi dan keindahan

Teori semiotik yang melihat kepada keindahan dan keunikan dalam sesuatu konteks yang boleh diungkap dengan pancaindera manusia. Teori semiotik meliputi teori umum untuk melihat tanda, simbol, gambar dan angka. Semiotik Pierce ini juga menekankan falsafah tanda, klasifikasi tanda, signifikasi, erti dan fungsi tanda. Berdasarkan Rajah 7 di atas menerangkan kerangka konsep ragam hias Masjid Muhammadi dan keindahan. Dalam kajian yang dijalankan melihat identiti reka

bentuk secara menyeluruh yang menerima pengaruh Barat. Konteks yang dilihat sebagai objek dalam kajian ini adalah Masjid Muhammadi. Hal ini dikatakan demikian kerana Masjid Muhammadi objek yang dapat disentuh dan dirasai oleh pengkaji. Simbol yang mewakili tanda dalam reka bentuk Masjid Muhammadi ialah kaligrafi, motif flora dan geometri. Ketiga-tiga simbol ini digunakan dalam struktur Masjid Muhammadi. Konteks yang terakhir merupakan yang penting dalam komponen kerangka konsep ini adalah pentafsiran dan pemikiran daripada reka bentuk Masjid Muhammadi. Hal ini dikatakan demikian kerana pemilihan simbol dalam reka bentuk yang dipengaruhi oleh konsep asal Masjid Muhammadi. Identiti konsep asal yang berunsurkan Barat memberi sedikit sebanyak faktor pemilihan simbol dalam reka bentuk Masjid Muhammadi. Oleh itu, keindahan dan keunikan dapat dilihat melalui identiti reka bentuk Masjid Muhammadi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian dan temu bual. Pemerhatian dilakukan terhadap reka bentuk Masjid Muhammadi di Kota Bharu Kelantan bagi mengenal pasti ragam hias dan jenis-jenis yang terdapat di Masjid Muhammadi. Manakala, temu bual dilakukan ke atas dua orang pakar dalam bidang dan seorang jawatankuasa kanan masjid ini. Pemerhatian dicatatkan pada buku nota sepanjang tempoh pemerhatian dan dianalisis dengan kaedah analisis kandungan teks. Kaedah lapangan kajian dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan data dengan lebih terperinci. Temu bual pula dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Selain itu, pengkaji mendokumentasikan sebagai rujukan untuk generasi akan datang. Pengkaji turut menggunakan kod yang ditetapkan dalam penyelidikan ini bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis data. Berikut merupakan kod yang digunakan dalam kajian ini:

Jadual 1. Kod Responden

Responden	Jawatan	Kod Responden
Rosli Che Soh	Tok Iman Tua Masjid Muhammadi	R1
A. Ghaffar Ahmad	Pensyarah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Univerisiti Sains Malaysia	R2
Ros Mahwati Ahmad Zakaria	Pensyarah Institusi Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia	R3

RAGAM HIAS DI MASJID MUHAMMADI KOTA BHARU KELANTAN

Dapatan kajian menemukan, reka bentuk Masjid Muhammadi adalah bercirikan seni bina kolonial. Maka secara tidak langsung ragam hiasnya juga dipengaruhi oleh pengaruh kolonial. Hasil daripada pemerhatian di lapangan mendapati bahawa terdapat tiga ragam hias dalam reka bentuk Masjid Muhammadi iaitu motif flora, kaligrafi dan geometri. Integrasi ragam hias dalam reka bentuk Masjid Muhammadi dilihat telah meningkatkan lagi nilai keindahan masjid ini sehingga mampu menarik perhatian pelancong di samping nilai warisan yang masih dikekalkan. Hal ini bertepatan dengan erti integrasi yang berasal daripada perkataan Inggeris iaitu '*integration*' bermaksud keseluruhan. Integrasi merupakan penyatuan daripada unsur-unsur yang berbeza sehingga menjadi kesatuan yang utuh dan kukuh (Daeng Haliza, Zuliskandar & Mastor 2017).

Motif Flora

Menurut responden 2 motif flora yang ditonjolkan dalam reka bentuk Masjid Muhammadi yang dipengaruhi oleh reka bentuk kolonial merupakan campuran hasil daripada reka bentuk *Greek* dan *Corinthian*. Campuran reka bentuk *Greek* dan *Corinthian* dapat menghasilkan motif flora di Masjid Muhammadi. Kebanyakan motif flora ini menghiasi bahagian tiang masjid. Ukiran motif flora yang ditonjolkan dalam reka bentuk Masjid Muhammadi ini mempunyai kelopak bunga yang kecil-kecil

dan tidak bercantum antara satu sama lain (Responden 3 2020). Ukiran motif flora ini terdapat di bahagian dewan sembahyang utama lelaki dan tiang serambi Masjid Muhammadi. Motif flora yang digunakan dalam *Greek Corinthian* adalah daun acanthus yang berasal daripada negeri Corinthian. Tumbuhan ini terkenal pada zaman gaya seni Rom yang digunakan pada reka bentuk yang mempunyai pengaruh gaya *Corinthian*.

Zaman British menekankan konsep reka bentuk yang simetri. Seni bina yang saya tengok ini lebih kepada kolonial seperti seni bina orang putih dan juga terdapat column yang berbias. Ya, terdapat Corinthian yang jenis berbunga yang berwarna.

(R2, 2020)


Corinthian pada tiang menunjukkan sejajar dengan konsep asal reka bentuk. Jenis Corinthian yang berlainan dengan reka bentuk lain kerana mempunyai belahan kelopaknya.

(R3, 2020)

Berikut merupakan motif flora yang digunakan dalam reka bentuk Masjid Muhammadi:



Gambar 6. Motif Flora *Greek dan Corinthian* pada tiang Masjid Muhammadi
Sumber: Kajian Lapangan 2019



Gambar 7. Motif Flora Dewan Sembahyang Utama Lelaki Masjid Muhammadi
Sumber: Kajian Lapangan 2019

Kaligrafi


Kaligrafi yang terdapat dalam reka bentuk Masjid Muhammadi ialah kaligrafi khat nasakh (Responden 2 2020). Ini disokong oleh Nash Rahman (1998) yang berpendapat jenis tulisan khat nasakh sesuai digunakan dalam reka bentuk masjid. Kaligrafi khat nasakh ini terdapat di bahagian dewan sembahyang lelaki dan perempuan serta pintu gerbang utama Masjid Muhammadi. Tambahan pula, tulisan khat nasakh ini mudah difahami dan tulisan jelas untuk dibaca tidak seperti tulisan khat yang lain. Berikut merupakan khat kaligrafi yang digunakan dalam reka bentuk Masjid Muhammadi:



Gambar 8. Khat Nasakh pada Pintu Gerbang Utama Masjid Muhammadi
Sumber: Kajian Lapangan 2020

Geometri

Reka bentuk geometri yang terdapat pada struktur Masjid Muhammadi adalah geometri dua dimensi pecahan lapan (Responden 2 dan Responden 3 2020). Geometri dua dimensi pecahan lapan ini dipilih kerana sesuai dengan konsep reka bentuk yang berkonsepkan pengaruh kolonial. Geometri dua dimensi ini biasanya digunakan dalam reka bentuk gereja di Eropah (Responden 3 2020). Geometri dua dimensi pecahan lapan ini terdapat di dinding bangunan bahagian hadapan dan belakang. Berikut merupakan simbol geometri yang digunakan dalam Masjid Muhammadi:



Gambar 8. Geometri Dua Dimensi Pecahan Lapan di Masjid Muhammadi
Sumber: Kajian Lapangan 2019

Berdasarkan temu bual pakar, terdapat usaha yang serius oleh pihak berwajib dalam melestarikan warisan ragam hias masjid ini. Hal ini bertepatan dengan sejarah nilai warisan dan kepentingan masjid ini pada negeri Kelantan khususnya dalam menyumbang kepada pembangunan plancongan warisan di Kota Bharu.

penggunaan 'stained glass' dalam reka bentuk geometri boleh menarik kerana pencabayaan yang berwarna warni. Pencabayaan yang banyak memudahkan untuk jemaah membaca al-Quran. Elemen-elemen Barat dalam reka bentuk column ditambah pula pencabayaan warna warni dan sedikit elemen kubah ini menunjukkan lebih jelas reka bentuk Islamik. Reka bentuk Masjid Muhammadi mengikut ketulenan dan keaslian kerana menggunakan pencabayaan yang semula jadi dan tidak mengubah reka bentuknya.

(R2 2020)

penggunaan colour glass ini daripada reka bentuk Eropah. Kebiasanya reka bentuk geometri glass menggunakan pelekat sebaga hiasan tetapi Masjid Muhammadi masih mengekalkan penggunaan kaca dalam reka bentuk geometri.

(R3 2020)

Oleh itu, ini dapat disimpulkan integrasi antara ragam hias perlu dititikberatkan dalam unsur-unsur warisan yang terdapat pada sesebuah objek warisan. Dengan sebab itu, ragam hias yang terdapat dalam reka bentuk Masjid Muhammadi perlu dipelihara bagi memartabatkan khazanah warisan yang terdapat di Kelantan. Reka bentuk Masjid Muhammadi menunjukkan jelas dipengaruhi oleh seni bina Rom kerana simbol yang terdapat dalam strukturnya.

IDENTITI REKA BENTUK MASJID MUHAMMADI

Masjid Muhammadi yang mula dibina pada tahun 1867 pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II. Sultan Muhammad II yang minat dan gemar dengan reka bentuk barat mengarahkan satu rombongan termasuk kontraktor dari Hong Kong untuk melawat Masjid Sultan Abu Bakar yang terletak di Johor Bharu yang banyak menerima pengaruh reka bentuk barat. Setelah melihat reka bentuk Masjid Sultan Abu Bakar bermulalah pembinaan Masjid Muhammadi yang telah diarahkan oleh Sultan Muhammad II (Responden 1 2019).

Lengkungan separa bulatan yang menghiasi dinding Masjid Muhammadi menunjukkan salah satu identiti reka bentuk yang dipengaruhi oleh Barat. Selain itu, tiang *Corinthian* dalam reka bentuk Masjid Muhammadi ini juga merupakan salah satu tiang yang digunakan pada zaman Rom. Tambahan pula, zaman pembinaan Masjid Muhammadi masih dalam penjajahan British. Kemahiran dan kepakaran British dalam pembinaan konkrit telah menyumbang sedikit sebanyak dalam pembinaan Masjid Muhammadi. Hal ini kerana salah seorang tukang yang dikenali sebagai Umar Batu telah bersama-sama dalam pembinaan Masjid Muhammadi. Umar Batu merupakan seorang tukang yang membantu orang-orang British dalam membina jambatan dan bangunan konkrit pada ketika itu. Oleh itu, kepakaran dan kemahiran ini juga digunakan dalam pembinaan Masjid Muhammadi.

sebelum pembinaan Masjid Muhammadi, tukang diperintah supaya tengok Masjid Sultan Abu Bakar, kerana Masjid Abu Bakar lagi kuat pengaruh kolonial

jadi, satu rombongan dengan beberapa orang turun ke Johor Bharu untuk melihat Masjid Abu Bakar. Jadi, hasil daripada melihat masjid tersebut rombongan pulang ke Kelantan dan pada zaman itu zaman orang putih

ye...masjid ini diperintah oleh Tuanku ketika itu juga tidak ada kontraktor orang Melayu yang pandai buat masjid besar yang diperbuat daripada simen, tiada lagi zaman itu. Ketika itu, telah mengambil keputusan kontraktor daripada Hong Kong untuk membuat Masjid Muhammadi yang banyak percampuran

pengaruh campuran, Cuma saya tidak tahu adakah Cina tu mengemukakan plan ke daripada dia yang dari Hong Kong tapi saya rasa dia dah campur sekali sebab berdasarkan permerintahan orang putih Sultan kita, melihat Masjid Abu Bakar di Johor Bharu selepas itu kontraktor dari Hong Kong dan disitu lah pengaruhnya, kemudian kita tengok jadikan masjid ini

pastu saya ada dengar cita ada penduduk kampung datang kerja tinggal seberang sungai, saya tak ingat nama apa tapi kebetulannya orang tu meninggal jadi orang kampung saya cakap si mati tu pernah datang kerja buat Masjid Muhammadi sebab kampung saya pada masa itu tak ada rumah batu hanya rumah dia yang diperbuat dari batu orang kampung panggil Umar Batu. Adakah dia menyumbang juga pemiran-pemiran untuk membina masjid (bunyi telefon) umar bin mamat tukang simen kenapa dia pandai buat simen kerana dia berbaik dengan British masa buat jambatan, kereta api pada masa itu dia jadi tukang mandul

(R1 2019)

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis kajian didapati reka bentuk Masjid Muhammadi Kota Bharu, Kelantan dipengaruhi oleh seni bina Barat atau pengaruh kolonial. Faktor pemilihan reka bentuk Masjid Muhammadi adalah berdasarkan titah daripada Sultan Muhammad II serta pengaruh penjajah pada ketika itu. Pemilihan ragam hias juga dipengaruhi oleh konsep kolonial supaya reka bentuk yang dihasilkan sejajar dengan konsep reka bentuk Masjid Muhammadi. Secara tuntasnya, terdapat tiga jenis ragam hias pada Masjid Muhammadi di Kelantan iaitu motif flora campuran daripada reka bentuk *Greek* dan *Corinthian*, kaligrafi khat nasakh dan geometri dua dimensi pecahan lapan. Maka, ragam hias ini telah menjadikan reka bentuk Masjid Muhammadi unik dan indah, berbeza dengan masjid yang lain di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya. Pemeliharaan Masjid Muhammadi juga pula sentiasa komited dilakukan untuk memastikan keunikan dan keindahan masjid ini dapat dilindungi.

RUJUKAN

- Azizul Azli Ahmad. 2015. Ruang Dalaman Masjid Melayu Traditional Semenanjung Malaysia. Tesis Ph.D, Universiti Malaya.
- A. Ghaffar Ahmad. 2020. Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia, (28 Januari 2020 - temu bual).
- Anisah Ahmad. 2015. Motif Dekorasi Dalaman Masjid: Kajian terhadap Masjid Kampung Keling di Melaka. Makalah dibentangkan pada Conference in International Islamic Heritage and Culture, Makasar Indonesia. At: Makassar Indonesia. 1-9.
- Daeng Haliza Daeng Jamal, Zuliskandar Ramli & Mastor Surat. 2017. Istana Kenangan: Meneroka Integrasi Warisan Budaya Melayu dan Konservasi Menerusi Pendekatan Suaiguna Semula *Jurnal Arkeologi Malaysia* 30(2): 1-10.
- Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim. 2007. Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya *SARI: Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 25: 270-290.
- Kasiyan. 2015. *Ragam Hias Tradisional*. Fakultas Bahasa dan Seni Universitas Negeri Yogyakarta. Anzdoz.
- Laksmi Kusuma Wardani. 2010. Fungsi, Makna dan Simbol (Sebuah Kajian Teoritikal). Dibentangkan pada Seminar Jelajah Arsitektur Nusantara 101010 XIX. 11 Oktober 2010. Institusi Teknologi Surabaya.
- Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor. 1995. *Aspek-aspek Kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 2016. *Teori Semiotik: Tanda Bahasa dan Wacana Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi. 2008. *Peranan dan Fungsi Masjid Masyarakat Hadhari*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhamad Nazzri Ahmad. 2016. Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Nash Rahman. 1998. *Masjid Sejarah: Ciri-ciri Pembentukan dan Pembinaan Masjid-Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Puncak Awal (M) Sdn. Bhd.
- Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Harun, Zuliskandar Ramli & Salina Abdul Manan. 2015. *Keindahan Reka bentuk Masjid Melayu*. Prosiding Seminar Antarabangsa ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu.

- Nurfarahhana Ismail, Ros Mahwati Ahmad Zakaria & Zuliskandar Ramli. 2021. Pemetaan dan analisis tipologi rekaan mahkota atap masjid tradisional di negeri Melaka. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 34(1): 69-80.
- Nurfarahhana Ismail, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Zuliskandar Ramli & Aszulhida Aman. 2019. Pemetaan lokasi mahkota atap masjid warisan di negeri Melaka. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 32(2): 31-43.
- Nurul Izza Mohd Noor. 2016. *Perkembangan Gaya Rupa Mukaan Seni Bina Masjid Bandar dan Masjid Jajahan di Kelantan Darul Naim*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Rabiah Abdul Rahman. 2016. Warisan Ketara Seni Islam Tempatan: Mahkota Atap Masjid Tradisional Melaka. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 2(1): 185-196.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria. 2020. Institusi Alam Dan Tamadun Melayu ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, (3 Februari 2020 - temu bual).
- Rosli Che Soh. 2019. Tok Imam Tua Masjid Muhammadi Kota Bharu Kelantan. Pejabat Masjid Muhammadi, (23 Disember 2019 - temu bual).
- Wahad, Hamid & Norajila Che Man. 2016. Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Komtemporari. *E-Academia Journal UiMfT* 5(2)II.
- Utaberta & Mohamad Tajudin Rasdi. 2013. *Pemikiran Seni Bina Islam Malaysia di Dunia dan Malaysia*. Johor Bahru: UTM Press.

Nur Najwa Hanim Saidi
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
16300, Kelantan.
E-mail: nurnajwa937@yahoo.com

Daeng Haliza Daeng Jamal (Ph.D)
Jabatan Pengajian Warisan
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
16300, Kelantan.
E-mail: dhaliza_leo@yahoo.com

Diserahkan: 5 April 2021
Diterima: 16 Julai 2021
Diterbitkan: 30 September 2021